



Sari 25 (2007) 41 - 50

Manuskrip Buton: Keistimewaan dan Nilai Budaya

HIROKO K. YAMAGUCHI

ABSTRAK

Kerajaan Buton (Wolio) yang telah didirikan pada abad ke-14 di Pulau Buton dan berakhir pada tahun 1960 itu meninggalkan banyak manuskrip. Kini, sekitar 350 buah manuskrip itu adalah milik Abdul Mulku Zahari, mantan setiausaha kepada Sultan Buton yang terakhir. Selain koleksi itu, ada juga manuskrip lain yang dimiliki individu lain. Rencana yang membincangkan koleksi manuskrip ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Dalam bahagian pertama akan diperkenalkan sepintas lalu sifat manuskrip milik Abdul Mulku Zahari. Dalam bahagian kedua, perhatian diberi kepada manuskrip dalam Jawi Wolio dari segi nilai sejarah, budaya serta kelangkaannya. Dalam bahagian ketiga diberi saranan kepada kegiatan penyelidikan berkaitan manuskrip Buton pada masa yang akan datang.

Kata kunci: Jawi Wolio, manuskrip, Koleksi Abdul Mulku Zahari, Buton

ABSTRACT

The kingdom of Buton (Wolio), established in the 14th century on Buton Island and ended in 1960, left behind various kinds of historical manuscripts. Some 350 of these were owned by the late Abdul Mulku Zahari, secretary to the last sultan of Buton. A huge number of others are owned privately. This article is divided into three parts. The first part outlines the characteristics of the manuscripts in Abdul Mulku Zahari's collection. In the second part, manuscripts written in Jawi Wolio are studied from historical and cultural points of view. In the third part, some points for further research on Buton's manuscripts are suggested.

Key words: Jawi Wolio, manuscripts, Abdul Mulku Zahari's collection, Buton

PENDAHULUAN

Kerajaan Buton (Wolio) diperkirakan sudah didirikan sejak abad ke-14 dengan ibu kota di dataran tinggi kota Bau-Bau, yang terletak di sebelah barat daya Pulau Buton, di tempat benteng keraton Wolio sekarang. Setelah kedatangan agama Islam pada abad ke-16, kesultanan Buton memperluaskan wilayah



kekuasaannya ke kepulauan di Sulawesi Tenggara. Oleh sebab kedudukan geografinya yang strategik dari segi pengangkutan maritim, kesultanan Buton sering mengalami campur tangan daripada kuasa luar, antaranya Ternate, Gowa dan VOC. Kesultanan itu berakhir pada tahun 1960, setelah menjadi sebahagian Republik Indonesia setelah melewati zaman penjajahan Belanda dan Jepun.


Dalam rencana ini, istilah “masyarakat Buton” digunakan untuk merujuk masyarakat yang berada di bekas tapak kesultanan Buton. Kini, terdapat pelbagai jenis manuskrip warisan zaman kesultanan. Sekitar 350 buah manuskrip itu milik almarhum Abdul Mulku Zahari, mantan setiausaha kepada Sultan Buton yang terakhir, Sultan ke-38, Muhammad Falihi (1938-1960). Selain itu, terdapat juga manuskrip yang besar jumlahnya dimiliki individu lain. Dalam rencana ini, akan diperkatakan sepintas lalu sifat-sifat manuskrip milik Abdul Mulku Zahari dari segi bahan, zaman pengarang, huruf yang digunakan, nilai sejarah, budaya dan berakhir dengan saranan kepada kegiatan penyelidikan pada masa akan datang.

KOLEKSI MANUSKRIP ABDUL MULKU ZAHARI

Manuskrip milik Abdul Mulku Zahari terdiri daripada pelbagai tema, termasuk sejarah, bahasa, Islam, hukum, hikayat, silsilah, surat dan primbon. Manuskrip itu ditulis dalam bahasa Arab, huruf rumi bahasa Melayu/Indonesia, Jawi, bahasa Wolio, bahasa Belanda dan sebagainya. Setelah disenaraikan oleh kakitangan Yayasan Naskah Nusantara, sebuah katalog telah diterbitkan: *Katalog Naskah Buton; Koleksi Abdul Mulku Zahari* (disingkatkan sebagai KAMZ selanjutnya). Berdasarkan penyelidikan saya ke atas isi katalog itu, sifat-sifat manuskrip KAMZ boleh dilihat dari segi isi, masa pengarang, bahasa, huruf, antara yang lain.

Rajah 1 memuatkan banyak manuskrip berdasarkan bahan dan masa pengarangannya. Selanjutnya, Rajah 2 menampilkan sejumlah bahan itu berdasarkan masa pengarang, bahasa dan huruf, sementara Rajah 3 adalah tentang jumlah manuskrip berdasarkan bahan, bahasa dan aksara. Selanjutnya, dinyatakan secara garis besar tentang ciri-ciri yang khas dan kecenderungan KAMZ berdasarkan Rajah 1, 2, 3 dan sumber-sumber yang lain.


1. Berdasarkan Rajah 1 dan 2, dapat diketahui bahawa manuskrip yang paling tua telah dikarang pada abad ke-17, sebanyak 5 buah, berisikan pelajaran bahasa Arab, petunjuk tentang sembahyang, perjanjian antara Sultan Buton dan VOC. Kelima-lima manuskrip ini ditulis dalam Jawi.
2. Selain itu, terdapat 28 buah manuskrip yang lain dikarang pada abad ke-18, 186 buah dikarang pada abad ke-19 dan 122 buah dikarang pada abad ke-20. Lihat Rajah 1 & 2.
3. Dari segi isi, 125 buah manuskrip tentang agama Islam, 198 pucuk surat dan 29 lagi tentang hukum. Lihat Rajah 1 & 3.



Sumber Katalog Naskah Buton: Koleksi Abdul Mulku Zahari (Ikram dkk 2000)

RAJAH 1. Jumlah manuskrip menurut zaman pembuatan dan bahan

4. Terdapat 94 daripada 125 buah manuskrip yang dikarang pada abad ke-19 itu berkaitan agama Islam. Hal ini diperkirakan berkait rapat dengan kebijakan Sultan ke-29, Sultan Muhammad Idrus (1824-51), yang mementingkan pendidikan agama Islam dan mendorong pembuatan manuskrip tentang agama Islam¹. Muhammad Idrus terkenal pula sebagai pengarang. Misalnya, 6 daripada 14 buah manuskrip yang dikumpul di bawah judul *Kumpulan Berbagai Teks* (No. IS/67/AMZ) dari KAMZ itu ditulis sendiri oleh Muhammad Idrus².
5. Antara surat-surat yang dikarang pada abad ke-19, terdapat surat-surat diplomasi yang berupa pertukaran surat antara pihak kesultanan Buton dengan pihak pemerintah Belanda. Sebahagian besar dari surat-surat itu ditulis dalam Jawi.
6. Manuskrip tentang hukum yang dikarang pada abad ke-19 itu terdiri daripada peraturan-peraturan tentang politik dalam negeri kesultanan, misalnya peraturan tentang hukum penjagaan dan hukum ketenteraan




Sumber Katalog Naskah Buton: Koleksi Abdul Mulku Zahari (Ikram dkk 2000)

RAJAH 2. Jumlah manuskrip menurut zaman pembuatan, bahasa dan aksara

kerajaan, peraturan kerajaan mengenai perbudakan dan pemeliharaan putera-puteri istana, serta hal-hal lain. Kebanyakan manuskrip itu ditulis menggunakan Jawi Wolio.

7. Berdasarkan Rajah 2 dan 3, dapat diketahui bahawa bahasa dan huruf yang paling banyak digunakan adalah Jawi (111 buah), kemudian bahasa Arab (83 buah), Wolio (71 buah), Melayu/Indonesia (52 buah), Belanda (25 buah), serta bahasa lainnya.
8. Rajah 2 menunjukkan sebahagian besar manuskrip abad ke-18 dan ke-19 itu ditulis dalam bahasa Arab dan Jawi, sedangkan banyak manuskrip abad ke-20, ditulis dalam bahasa Melayu/Indonesia, Wolio dan Belanda. Manuskrip abad ke-20 itu adalah surat antara kesultanan Buton dan pemerintah Belanda. Ada pula manuskrip yang ditulis oleh pemerintah tentera Jepun dalam bahasa Jepun mengenai penghargaan dari pemerintah Jepun kepada pejabat Kesultanan Buton. Ada pula manuskrip dalam bahasa Jepun yang tidak ada dalam KAMZ. Isinya adalah keputusan sultan yang



Sumber Katalog Naskah Buton: Koleksi Abdul Mulku Zahari (Ikram dkk 2000)


RAJAH 3. Jumlah manuskrip menurut materi, bahasa dan aksara

terakhir, Sultan Muhammad Falihi, sebagai “*Shucho*” dalam pemerintahan penjajahan Jepun. “*Shucho*” adalah nama jabatan yang diberi pemerintah tentera Jepun kepada raja dan sultan di wilayah pemerintahan otonomi mereka masing-masing. Manuskrip itu dipamerkan di bekas kediaman Sultan Muhammad Falihi, kini muzium peribadi kebudayaan Buton.

CIRI-CIRI KHAS DARI MANUSKRIP BERBAHASA WOLIO

Islamisasi di Asia Tenggara bermula sejak akhir abad ke-13. Dalam proses itu, huruf Arab mula dipakai dan tulisan Jawi berkembang sehingga telah menggantikan huruf India sebelumnya. Tulisan menggunakan Jawi yang tertua di Asia Tenggara adalah yang terdapat pada batu bersurat Terengganu pada awal abad ke-14. (Aoyama 2002:11-23). Bukan hanya untuk bahasa Melayu, tetapi juga bahasa-bahasa daerah lain di Asia Tenggara, dan di sini secara tentatif disebut sebagai “Jawi non-Melayu/Indonesia”. Jawi Wolio adalah contoh “Jawi non-Melayu/Indonesia”. Selain bahasa Wolio, bahasa daerah lain yang menggunakan “Jawi non-Melayu/Indonesia” adalah bahasa Aceh, Jawa, Sunda, Bugis, Tausug, Magindanao, Maranao dari Filipina Selatan dan sebagainya (Kawashima. 2004:49). Lihat Peta 1.

Bahasa Wolio diklasifikasikan sebagai bahasa dari golongan bahasa Sulawesi Tenggara yang termasuk ke dalam golongan bahasa Austronesia Barat (Tsuchiya, Kato, dan Fukami eds. 1991). Pada masa lalu, bahasa Wolio dipakai



Sumber: Kawashima, (2004)

PETA 1. Bahasa-bahasa yang mempunyai 'Jawi non-Melayu/Indonesia' di Asia Tenggara

orang Wolio di pejabat kerajaan/kesultanan Buton sebagai bahasa pemerintahan, selain bahasa harian. Kini, bahasa Wolio dipakai orang Wolio, terutamanya di bekas istana kesultanan, iaitu Keraton Wolio dan sekitarnya.

Dalam KAMZ, manuskrip yang ditulis dalam bahasa Wolio berjumlah 71 buah dengan 4 daripadanya ditulis dalam huruf Latin. Isinya berkaitan hukum, upacara adat dan Islam. Keempat-empat manuskrip itu diperkirakan dibuat pada abad ke-19 dan ke-20.

Seterusnya, 67 buah daripada 71 buah manuskrip Wolio ditulis dalam Jawi Wolio. Dalam bahasa Wolio, Jawi Wolio disebut sebagai "*huri Wolio*". Jumlah dan jenis huruf Arab yang digunakan untuk "*huri Wolio*" banyak kesamaan dengan huruf Arab yang digunakan untuk Jawi umum, iaitu terdiri dari 36 huruf. Lihat Rajah 4. Namun, ada sedikit perbezaan dalam jumlah dan jenis huruf Arab untuk "*huri Wolio*" berdasarkan zaman pembuatannya, sehinggakan mulai saat ini hal tersebut masih lagi menjadi persoalan yang harus dikaji dengan lebih lanjut. Dalam bahasa Wolio, ada lima vokal tunggal (*simple vowel*), iaitu a, i, u, e dan o. Untuk vokal a, i dan u, digunakan tanda vokal yang sama dengan tanda yang digunakan dalam bahasa Arab. Untuk vokal e, tanda vokal yang





ا	ب	ت	ث	ج	چ	ح
خ	د	ذ	ر	ز	س	ش
ص	ض	ط	ظ	ع	غ	غ
ف	ف	ق	ك	ن	ل	م
ن	و	و	ه	ء	ي	ث
						لا

Sumber: Matlob, (1989)

RAJAH 4. Aksara Arab yang digunakan untuk Jawi Melayu

berbentuk seperti ‘v’ ditulis di bawah huruf, dan untuk o tanda ‘v’ ditulis di atas.

Sehingga kini belum diketahui bila Jawi Wolio mula dipakai. Tetapi, berdasarkan hakikat manuskrip Buton yang tertua telah ditulis dalam Jawi sejak abad ke-17, dapat diperkirakan bahawa ia sudah ada setelah kedatangan agama Islam di Buton pada abad ke-16. Seiring dengan perkembangan tulisan Jawi, manuskrip juga mula ditulis dalam Jawi Wolio. Dalam KAMZ, manuskrip yang tertua telah ditulis dalam Jawi Wolio pada abad ke-18 itu berisikan persiapan menghadapi maut, kembali ke alam kekal abadi dan bagaimana memillih jodoh. Sebahagian besar manuskrip Jawi Wolio itu dikarang pada abad ke-19 dan ke-20. Antara ciri khas manuskrip Jawi Wolio pada zaman tersebut adalah sebahagian besar isinya tentang Islam, hukum tentang pemerintahan dalam negeri dan surat-surat diplomasi.

Selain itu, terdapat juga manuskrip yang lain yang ditulis dalam Jawi Wolio, iaitu “*kabanti*”. *Kabanti* adalah syair yang biasanya dinyanyikan dalam bahasa Wolio. Pada abad ke-18, terdapat banyak penyair *kabanti* di kesultanan Buton dan *kabanti* diperkirakan mula ditulis sejak masa itu. Isi *kabanti* pelbagai. Antaranya tentang teknik pelayaran laut, falsafah hidup dan kejadian sehari-hari. Rajah 5 menunjukkan sebahagian contoh *kabanti* yang berjudul ‘*Ajonga Indaa Malusa* (Pakaian yang tidak Luntur)’. *Kabanti* itu ditulis oleh seorang pengarang yang bernama Haji Abdul Ganiyu pada abad ke-19 dan disalin Abdul Mulku Zahari pada tahun 1974. Kandungannya adalah tentang kejadian semasa kesultanan Buton. Dalam rajah 5 ditunjukkan bahagian pertama manuskrip tersebut. Di sini kita nampak sebahagian sifat “*Buri Wolio*”, iaitu 5 tanda vokal tunggal dan setiap kata diakhiri vokal tunggal.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

(Bahasa Wolio)

Bismillaahirrahmaanirrahiymi

*Tee sarona opu Allaahu
 Kupebaangi kulaguaka kabanti
 Oni wolio kabanti inciya siy
 Bismillaahi saro allaahu siytu
 Osiytumo sarona zatina opu
 Arrahmaani osarona sifatuna
 Omaanana atopene kalambuna
 Apepatayi incana dunia siy*

(Bahasa Indonesia)

Dengan nama Allah yang Maha
 Pengasih lagi Maha Penyayang
 Dengan nama Tuhan Allah
 Saya mulai menyanyikan kabanti
 Kabanti ini berbahasa Wolio
 Bismillah nama Allah itu
 Itulah nama zat Tuhan
 Arrahmaani adalah nama sifatnya
 Artinya sangat tinggi
 Teringat akan isi dunia

Sumber: Zahari, (1974)

RAJAH 5. Kabanti Ajonga Indaa Malusa

KESIMPULAN DAN SARANAN

Kesimpulannya, ingin saya menggariskan beberapa nilai penting manuskrip Buton, dan juga mengemukakan saranan untuk penyelidikan pada masa yang akan datang. Antaranya ialah:

1. Antara nilai yang terpenting daripada manuskrip Buton ialah nilainya yang tinggi sebagai sumber sejarah tertulis. Bahan sejarah yang ditulis orang Eropah mengenai Buton sedikit sekali jika dibandingkan dengan bahan sejarah mengenai masyarakat di Sulawesi Selatan, Maluku dan lainnya di sekitar Buton. Sehubungan itu, manuskrip Buton akan menjadi sumber rujukan yang sangat berharga untuk mengetahui sejarah dan budaya Buton masa lampau.
2. Tidak banyak masyarakat di Asia Tenggara yang telah mengembangkan teknik tulisan "Jawi non-Melayu/Indonesia". Dari segi nilai langkanya, manuskrip Jawi Wolio adalah suatu yang sangat berharga. Sehingga ke saat ini, penyelidikan tentang manuskrip "Jawi non-Melayu/Indonesia" belum cukup (Kawasshima 2004). Ini adalah suatu tugas yang perlu kita laksanakan pada masa yang akan datang.
3. Selain KAMZ, terdapat banyak manuskrip milik peribadi yang lain di Buton. Bahan itu perlu diselidik dari pelbagai segi. Menurut perkiraan saya, bahan



tersebut tidak hanya terdiri daripada manuskrip rasmi yang mempunyai kaitan dengan pemerintahan kesultanan Buton, tetapi pula manuskrip peribadi yang lain. Antaranya ialah surat-menyurat peribadi, catatan harian dan catatan jual beli. Manuskrip peribadi itu banyak menceritakan kehidupan sehari-hari masyarakat Buton masa lalu.

4. Berdasarkan penyelidikan ke atas KAMZ dan bahan yang lain, maka maklumat yang berikut perlu diberi perhatian lebih lanjut:
 - a. Bila bermulanya kegiatan penulisan naskah di Buton? Apa isinya? Bahasa dan huruf apa yang digunakan?
 - b. Berapa jumlah manuskrip Buton secara keseluruhan?
 - c. Apakah ciri-ciri yang khas dan juga kecenderungan antara isi, masa kepengarangan, bahasa dan huruf yang dipakai?
 - d. Bagaimana perubahan ejaan dan istilah-istilah yang dipakai dalam manuskrip Jawi Wolio dari masa ke masa? Bagaimana pengaruh budaya dari luar Buton? Apakah ada peraturan yang rasmi tentang penulisan Jawi Wolio dalam kesultanan? Apa erti sosial dari kegiatan 'menulis' bagi orang Buton pada zaman kesultanan?
5. Untuk melakukan penyelidikan tersebut, manuskrip KAMZ dan yang lain perlu dikatalog, dimikrofilmkan dan didigitasikan.
6. Selain isi, manuskrip sebagai artifak juga memiliki nilai yang tinggi sebagai bahan sejarah. Daripada penyelidikan tentang bahan alas teks, jenis tinta dan cara penjilidan misalnya, dapat diketahui bila dan dari mana teknik-teknik pembuatan naskah tersebut berasal.

Memandangkan hal-hal itu, maka ditekankan sekali lagi bahawa bukan sahaja isi manuskrip perlu dilestarikan, tetapi juga manuskrip itu sendiri perlu dipelihara dan diawit dengan baik sebagai warisan leluhur.

NOTA

1. Walaupun undang-undang tertulis yang menentukan kebijakan tersebut di atas sampai sekarang belum ditemui buktinya, tetapi menurut Abdul Mulku Zahari, Muhammad Idrus tinggal dan dibesarkan oleh neneknya, dari siapa dia mendapat pendidikan agama Islam, sehingga perkembangan agama Islam yang sangat menonjol pada masa pemerintahannya (Zahari 1977, III;28-29). Menurut tradisi lisan dari masyarakat Buton masa kini, bangunan tempat Muhammad Idrus mendapat pendidikan agama masih ada bekasnya di Benteng Keraton Buton/Wolio.
2. Manuskrip penciptaan Muhammad Idrus tersebut adalah, 1. *Bula Malino* (tentang rukun imam dan Islam), 2. *Tazikiri/Tazikiri Momampodona* (tentang bermacam zikir), 3. *Nuru Molabina* (tentang Nur Muhammad), 4. *Jaohara/Jaohara Maanikamu Molabi*, 5. *Kanturuna Mohelana I* (tentang sejarah Buton), dan 6. *Kanturuna Mohelana II* (juga tentang sejarah Buton). Selain manuskrip berbahasa Wolio, dia banyak pula menulis dalam bahasa Arab (Zahari, ibid: 29).

RUJUKAN

- Aoyama, Toru. 2002. Aksara-Aksara dari India di Kepulauan Asia Tenggara. *The Journal of Sophia Asia Studies* 20:11-24.
- Abdul Ganiyu. (sekitar abad ke-19) *Ajonga Indaa Malusa*.
- Ikram, Achadiati. dkk (eds.). 2001. *Katalog Naskah Buton: Koleksi Abdul Mulku Zahari*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Kawashima, Midori. 2004. Bahan sejarah ditulis dengan menggunakan jawi di daerah beragama Islam di Filipina Selatan. *Majalah Penelitian Sejarah Dunia, Sejarah dan Geografi* 576: 49-55. Tokyo: Yamakawa-Shuppan Press.
- Matlob. 1989. *Rahasia Belajar Jawi*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Sultan Muhammad Idrus. (sekitar abad ke-19) *Bula Malino*.
- _____. (sekitar abad ke-19) *Jaohara/Jaohara Maanikamu Molabi*.
- _____. (sekitar abad ke-19) *Kanturuna Mohelana I,II*.
- _____. (sekitar abad ke-19) *Nuru Molabina*.
- _____. (sekitar abad ke-19) *Tazikiri/Tazikiri Momampodona*.
- Tsuichiya, Kato, dan Fukami. (eds.) 1991. *Encyclopedia tentang Indonesia*. Kyoto: Dohosha-Shuppan Press.
- Yamaguchi, Hiroko K. 2004. Naskah-naskah dari Kesultanan Buton di Sulawesi Tenggara; Tentang Koleksi Abdul Mulku Zahari. *Jawi News Letter* 11:5-9.
- Zahari, Abudul Mulku. 1974. *Ajonga Indaa Malusa*. (Salinan)
- _____. 1977. *Sejarah dan Adat Fiy Darul Butuni III*. Jakarta: Proyek Pengembangan Media Kebudayaan Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.

Hiroko K. Yamaguchi
 Pensyarah
 KIBI-International University,
 Okayama,
 Japan
 e-mail: hiroko-cantik@syd.odn.ne.jp